

Ban Ki-Moon Gembira Malaysia Calon Kerusi Tidak Tetap Badan PBB
Bernamea
Mei 24, 2014
Oleh Nani Rahayu Yusof

NEW YORK, 24 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Ban Ki-moon menyatakan kegembiraan dengan pencalonan Malaysia menduduki kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan PBB.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata perkara itu dinyatakan kepadanya semasa membuat kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung PBB itu di pejabatnya di badan dunia tersebut di New York.

"Beliau (Ban Ki-moon) sangat gembira Malaysia sama-sama bersaing untuk kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan," kata Anifah dalam sidang media selepas pertemuan itu, Jumaat.

Hadir sama Wakil Tetap Malaysia ke PBB Datuk Hussein Haniff.

Anifah berkata pelbagai isu dibincangkan semasa pertemuan itu termasuk situasi di Thailand, Syria dan Ukraine.

"Beliau memandang tinggi pasukan keamanan kita dan memohon bantuan serta sumbangan lanjut jika boleh," kata Anifah.

Menurut Anifah, Ban meluahkan rasa simpati kepada Malaysia berhubung tragedi pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 dan mahu beliau menyampaikan sendiri mesej itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pesawat itu yang membawa 239 orang hilang ketika di ruang udara Laut China Selatan, kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur menuju Beijing pada awal pagi 8 Mac. Misi mencari sedang dijalankan di selatan Lautan Hindi, di perairan Australia Barat.

"Alhamdulillah, secara keseluruhan saya berpuas hati dengan lawatan kerja ini yang rasa berjaya mencapai matlamat," kata Anifah mengenai lawatan kerja lima harinya itu.

Beliau optimis mendapat lebih banyak sokongan terutama daripada negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) semasa berlangsungnya mesyuarat menteri-menteri luar pergerakan itu di Algeria minggu depan.

Anifah dijangka berlepas ke Algeria Ahad.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040904>